



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

**DRAF UCAPAN**  
**YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**

*sempena*

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN**  
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA BAGI JANUARI 2017**

*bertemakan*

**“WARGA SIHAT, KSM HEBAT”**

**DEWAN SERBAGUNA**  
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**

**5 JANUARI 2017**

## **Salutasi**

Terima kasih saudara/ saudari pengacara majlis

YB Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd Muttalib  
Timbalan Menteri Sumber Manusia

YBhg. Dato' Sri Adenan Bin Ab. Rahman  
Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia

YBhg. Dato' Mohd Sahar Bin Darusman  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Antarabangsa)

YBrs.Berusaha Dr. Mohd Gazali Bin Abas  
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Barisan Ketua-Ketua Pengarah, Ketua-Ketua Eksekutif, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan KSM dan Agensi-Agensi di bawah KSM

Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan seluruh warga KSM yang dikasihi sekalian

Salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam 1KSM

## **Tahun Baru dan Sorotan 2016**

1. Pertama sekali, saya mengucapkan “Selamat Tahun Baru 2017” kepada seluruh warga KSM. Marilah kita memanjatkan rasa syukur kepada Tuhan atas kurniaan-Nya yang telah memberikan kita keupayaan untuk mengharungi segala cabaran sepanjang tahun lepas. Semoga Tuhan terus merestui dan memberkati usaha baik yang kita rencanakan untuk rakyat pada tahun 2017 ini.
2. Saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan pegawai dan kakitangan yang baru memulakan perkhidmatan di KSM. Saya menaruh harapan yang tinggi bahawa tuan-tuan dan puan-puan akan dapat memberikan sumbangan terbaik dan bermakna dalam usaha KSM memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada kumpulan sasaran dan rakyat Malaysia amnya.
3. Saya berasa amat gembira dapat bersama-sama berkumpul bersua muka dan beramah mesra dengan seluruh warga KSM dalam Majlis Perhimpunan Bulanan pertama pada tahun 2017. Mengimbau kembali tahun 2016, saya sangat berpuas hati dan berbangga dengan pencapaian kita dalam mempertingkatkan taraf hidup kehidupan rakyat melalui pelaksanaan dasar dan program yang bertunjangkan falsafah “people-economy” atau ekonomi berasaskan rakyat.
4. Hakikatnya, sejak Kerajaan memperkenalkan Sistem Pemantauan Pencapaian Kementerian/Jabatan melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Kementerian kita berjaya menunjukkan trend pencapaian yang amat baik. Pada tahun 2016, KSM mencatatkan pencapaian KPI yang paling

cemerlang, iaitu melangkaui 122%. *We have delivered what we have promised to the Government, and the Rakyat as a whole.* Antara pencapaian cemerlang yang dinilai melalui KPI pada tahun 2016 termasuklah:

- (i) hampir 9,000 pelajar yang berjaya dilatih berdasarkan pendekatan industri;
- (ii) lebih daripada 2,250 pekerja berjaya dirawat dan dipulihkan melalui rawatan Rehabilitasi dan Vokasional;
- (iii) hampir 180,000 penempatan pekerjaan untuk rakyat Malaysia; dan
- (iv) selaras dengan pelaksanaan dasar gaji minimum, Malaysia telah meratifikasi Konvensyen ILO No.131 *Minimum Wage Fixing Convention*, 1970 (C131) yang akan memperkukuh serta meningkatkan standard amalan dan landskap perburuhan negara.

5. Dalam tahun 2016 juga, Kementerian telah melaksanakan dua langkah besar bagi mempertingkatkan kebajikan warga pekerja sektor swasta yang telah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016, iaitu:

- (i) Pertama; pewartaan Perintah Gaji Minimum 2016 yang memperuntukkan kadar gaji minimum baharu iaitu 1,000 ringgit sebulan di Semenanjung dan 920 ringgit sebulan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Kadar baharu ini merupakan peningkatan sebanyak 11 peratus

(RM100) bagi Semenanjung Malaysia dan 15 peratus (RM120) bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berbanding kadar yang ditetapkan dalam Perintah Gaji Minimum 2012; dan

- (ii) Kedua: perluasan liputan perlindungan keselamatan sosial pekerja di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada semua pekerja tanpa mengira had gaji. Siling caruman pekerja yang diinsuranskan juga ditingkatkan daripada RM3,000 kepada RM4,000 bagi maksud caruman dan pembayaran faedah. Langkah ini memanfaatkan kira-kira 500 ribu orang pekerja dan menjadikan liputan keseluruhan PERKESO seramai 6.5 juta pekerja.

6. Saya juga amat berbangga dengan usaha PERKESO dalam melaksanakan Program Kembali Bekerja atau *Return To Work Program* bagi membantu Orang Berinsurans yang ditimpa kemalangan kembali bekerja. Penubuhan Pusat Rehabilitasi PERKESO di Melaka yang dilengkapi dengan kemudahan rawatan dan pemulihan fizikal melengkapkan proses pemulihan ke atas diri pekerja yang hilang upaya akibat bencana. Perkhidmatan ini merupakan satu inovasi yang unggul dan satu-satunya perkhidmatan yang ada di rantau ini yang telah mendapat pengiktirafan daripada perbagai pertubuhan antarabangsa. Pada 16 November 2016 yang lalu, PERKESO sekali lagi mendapat pengiktirafan dunia apabila menerima 'Certificate of Excellence' daripada *International Social Security Association (ISSA)* sempena *World Social Security Forum* yang diadakan di Panama.

7. Di peringkat serantau pula, KSM dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya telah menunjukkan kecemerlangan yang tinggi dalam menganjurkan *ASEAN Skills Competition (ASC) Ke-11* yang diadakan pada bulan September yang lalu. Lebih membanggakan, Malaysia telah menjulang gelaran juara keseluruhan ASC Ke-11 dengan meraih 24 pingat Emas, 4 pingat Perak dan 5 pingat Gangsa serta 6 *meddalions of excellence*. Semoga momentum kejayaan ini akan berterusan sehingga ke *WorldSkills Competition* yang dijadualkan berlangsung pada bulan Oktober 2017 di Abu Dhabi.

### **Hala Tuju KSM bagi Tahun 2017**

Warga KSM yang dikasihi sekalian,

8. Sepanjang tahun 2016 yang lalu, negara kita melalui pelbagai cabaran yang menggetirkan. Ini termasuklah ketidakstabilan ekonomi dunia yang memberi kesan kepada nilai ringgit dan turun naik harga minyak mentah yang merupakan antara hasil utama negara. Pemilihan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat juga telah menimbulkan reaksi di pasaran kewangan global berikutan pelbagai spekulasi berkaitan hala tuju dasar ekonomi yang akan dilaksanakan oleh bakal Presiden. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka dan antara rakan dagang utama Amerika Syarikat, Malaysia sudah tentu akan menerima sedikit sebanyak kesan daripada sentimen ini.

9. Sungguhpun demikian, asas ekonomi negara kekal kukuh dan berdaya tahan. Kerajaan telah mengurangkan kebergantungan negara kepada hasil minyak dan gas serta melaksanakan langkah konsolidasi

fiskal Kerajaan. Dalam hal ini, tindakan Kerajaan melaksanakan GST dan merasionalisasi subsidi yang walaupun tidak popular, telah membuktikan keupayaan Kerajaan dalam membuat perancangan jangka panjang untuk mengekalkan kelestarian ekonomi negara. Hasilnya, negara masih mampu mencapai pertumbuhan ekonomi lebih 4% pada tahun lalu sekalipun dalam situasi kelembapan ekonomi dunia. Saya yakin, sasaran pertumbuhan ekonomi antara 4-5% pada tahun 2017 juga akan dapat dicapai sekiranya kita melaksanakan setiap program pembangunan yang dirancang dengan berkesan.

10. Dalam ucapan Bajet 2017 yang lalu, Kerajaan memberi penekanan kepada perbelanjaan berhemah dengan keutamaan kepada projek-projek perlu yang mempunyai impak yang besar sahaja untuk dilaksanakan. Peruntukan kewangan bagi setiap agensi Kerajaan juga telah dikaji semula. Dalam hal ini, sebagaimana yang saya sering tekankan, perbelanjaan kita mestilah berasaskan prinsip “value for money” agar setiap sen yang diijamatkan tidak menjejaskan fungsi dan peranan KSM serta keupayaan kita memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Warga KSM sekalian,

11. KSM menggalas harapan yang besar dalam pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara. Bagi mempertingkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan KSM, satu kerangka Pelan Strategik KSM bagi tempoh 2016-2020 telah direncana semasa *retreat* yang diadakan dalam bulan Disember lalu. Setiap program dan aktiviti yang akan dilaksanakan oleh Bahagian, Jabatan dan Agensi KSM akan berpandukan kepada kerangka ini yang mengandungi 6 teras seperti berikut:

- (i) **Teras 1: Meningkatkan pembangunan modal insan yang relevan, kompeten dan berdaya saing untuk memenuhi keperluan ekonomi negara.** Antara fokus utama termasuklah memperkasakan program TVET bagi memenuhi sasaran 35% pekerja mahir menjelang tahun 2020. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM4.6 bilion pada tahun 2017. Kerajaan juga memperuntukkan biasiswa sebanyak RM28 juta yang disalurkan kepada KSM untuk membiayai pelatih-pelatih dalam bidang latihan tertentu yang menjadi fokus keutamaan;
  
- (ii) **Teras 2: Mengutamakan peluang pekerjaan kepada warganegara.** Antara tumpuan utama adalah memperkukuhkan perkhidmatan pekerjaan yang diterajui oleh JobsMalaysia bagi membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia mendapat pekerjaan yang setimpal dengan kelayakan dan pengalaman yang dimiliki;
  
- (iii) **Teras 3: Memelihara dan meningkatkan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif.** Bagi tahun ini, Kementerian akan terus melaksanakan penambahbaikan undang-undang perburuhan negara bagi mempertingkatkan kebajikan pekerja dan memudahcara perniagaan. Kementerian juga akan memperkasakan lagi aktiviti penguatkuasaan undang-undang buruh bagi memastikan hak dan kebajikan pekerja sentiasa terpelihara;



- (iv) **Teras 4: Mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat yang dinamik.** Kemalangan mendatangkan penderitaan dan kehilangan bukan kepada diri pekerja dan keluarga mereka sahaja tetapi akan turut memberikan kerugian kepada majikan dan negara. Saya yakin usaha bersepadu yang akan dilaksanakan di bawah Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH MP) 2020 akan dapat mengurangkan lagi bilangan kemalangan berkaitan pekerjaan. Sebagai Kementerian yang menguatkuasakan akta berkaitan dengan keselamatan di tempat kerja, kita harus menunjukkan contoh amalan terbaik untuk diikuti oleh majikan-majikan lain. Justeru itu, budaya keselamatan di tempat kerja ini hendaklah diamalkan dengan serius oleh semua jabatan dan agensi di bawah KSM mulai tahun 2017 ini. Saya berharap Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOOSH) akan merangka satu pelan perancangan dan pelaksanaan bagi merealisasikan hasrat ini;
- (v) **Teras 5: Memantapkan jaringan keselamatan sosial yang progresif dan komprehensif kepada seluruh lapisan pekerja.** Dalam pembentangan Bajet 2017 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan geran kewangan khas Kerajaan sebanyak RM60 juta untuk memulakan pelaksanaan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial bagi Pemandu Teksi yang Bekerja Sendiri. Saya berharap Skim Perlindungan Sosial bagi Pemandu Teksi yang Bekerja Sendiri dapat dilaksanakan mulai pertengahan tahun 2017. Saya juga amat

berharap cadangan pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan akan diluluskan oleh Kerajaan pada tahun ini; dan

- (vi) **Teras 6: Memantapkan & Memperkasakan Tadbir Urus KSM.** Saya berharap tadbir urus dalam KSM dalam aspek pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia dan aset, ICT, pelan komunikasi dan media akan terus diperkukuhkan agar setanding dengan amalan tadbir urus terbaik dalam sektor awam. Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada PERKESO yang telah memenangi Tempat Kedua Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2016. Pengiktirafan ini disampaikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri dalam Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2016 dan Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2016 yang bertemakan “Inovasi Melantasi Konvensi, Inovasi Menjana Produktiviti”. Kejayaan di peringkat kebangsaan ini telah meningkatkan imej PERKESO dan Kementerian Sumber Manusia kerana ia merupakan pencapaian tertinggi dalam anugerah pengiktirafan pengurusan kualiti cemerlang sektor awam.

## **Penutup**

Warga KSM yang saya kasihi sekalian,

12. Kejayaan yang kita capai pada tahun 2016 haruslah dijadikan panduan manakala kelemahan dan kekurangan hendaklah dikenalpasti supaya tidak berlaku semula. Saya menyeru semua warga KSM untuk

terus mempertingkatkan usaha dan memperlihatkan daya saing tinggi dalam memberikan perkhidmatan.

13. Saya percaya bahawa KSM, Jabatan dan agensinya telah melakarkan satu lagi sejarah kecemerlangan yang boleh dibanggakan sepanjang tahun 2016. Untuk itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia, yang menjadi rakan terbaik saya dalam menerajui kementerian ini. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada YBhg Dato' Sri Adenan bin Ab Rahim dan pasukan pengurusan tertinggi yang telah memimpin pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan dengan jayanya. Saya berharap kedatangan tahun 2017 ini akan memberi kita menyemarakkan lagi semangat kita untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara.

14. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak urus setia khususnya Pertubuhan Keselamatan Sosial selaku hos atas kejayaan menganjurkan perhimpunan kali ini. Marilah kita bersama-sama merealisasikan tema Majlis Perhimpunan KSM bagi bulan Januari 2017 **“WARGA SIHAT, KSM HEBAT”**.

Sekian, terima kasih.

**YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM**  
Menteri Sumber Manusia  
5 Januari 2017